

Wanita al-Arqam hamba seks: PM

Oleh M Thillinadan

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan, pengikut wanita al-Arqam dijadikan hamba seks kerana tumpuan utama kumpulan itu adalah untuk memuaskan nafsu anggota lelakinya.

Menurut Perdana Menteri, kumpulan itu mengamalkan konsep bertukar isteri dengan menggalakkan perceraian bagi membolehkan pengikut lelaki berkahwin lagi selepas itu.

"Kita dapat maklumat, selepas pengikut Arqam itu jemu dengan isterinya, dia akan menceraikannya dan dikahwinkan pula dengan ahli Arqam yang lain. Ini menunjukkan tumpuan utama kumpulan itu ialah seks.

"Walaupun wanita mereka tutup muka dan berlagak sebagai orang Islam yang patuh kepada ajaran agama, sebenarnya mereka menumpukan untuk memuaskan nafsu saja.

"Wanita mereka dijadikan hamba seks. Mereka bertukar-tukar isteri selepas cerai dan saya juga dengar cerita ada yang kahwin untuk sekejap ia itu 24 jam dan lepas itu diceraikan.

"Pada pendapat kita, ini adalah kegiatan pelacuran yang diharamkan," katanya kepada pemberita selepas melawat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini, hari ini. Perdana Menteri diberi taklimat oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Nor.

Dr Mahathir berkata, dalam apa agama pun, sama ada Islam atau Kristian, kumpulan seperti itu hanya memberi tumpuan kepada wanita dan seks serta menghalalkan isteri yang ramai.

"Apabila dia dapat pengaruh wanita, dia mula memperkosa mereka. Ini yang dilakukan ketuanya, Ashaari Muhammad kerana dia bawa ajaran patut kahwin dua, tiga atau empat.

"Bahkan dalam kes Ashaari sendiri, kita tahu dia kahwin lebih daripada itu, mungkin pada satu-satu masa dia ada empat isteri saja, tetapi dia cerai dan kahwin banyak kali," katanya.

Mengenai laporan *Reuters* yang memetik Pengerusi Nahdatul Ulama Indonesia, Abdurrahman Wahid, mendakwa Umno pernah menawarkan jawatan kepada ahli Arqam kerana bimbang kekuatan kumpulan itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah membuat tawaran seperti itu.

"Saya sendiri tak pernah tawar apa-apa kepada mereka. Mereka yang buat dakwaan itu boleh bagi maklumat kepada kita supaya kita boleh tanya bila tawaran itu dibuat.

"Saya tak tahu kalau orang lain buat tawaran. Saya tak nafi, mungkin juga ada tawaran kerana dulu dia tidak menyeleweng tetapi saya tak ada maklumat mengenainya.

"Gerakan seperti itu mulanya buat betul dan boleh diterima serta bekerjasama. Tetapi apabila ketuanya begitu berpengaruh sehingga boleh memaksa pengikutnya buat apa saja, mulalah dia

Wanita al-Arqam hamba seks: PM

DARI MUKA 1

lari daripada kebenaran dan bawa ajaran yang mementingkan dirinya," katanya.

Ditanya sama ada Ashaari pernah meminta menyertai Umno, Perdana Menteri berkata: "Dia tidak minta kerana dia ingat dia lebih besar daripada Umno".

Mengenai kemungkinan Ashaari pulang ke Malaysia, Dr Mahathir berkata, terpulang kepada pihak berkuasa untuk menentukan sama ada tindakan boleh diambil atau tidak.

"Jika mereka berpendapat boleh ambil tindakan, mereka akan ambil tindakan dan jika mereka rasa dia tidak menyalahi undang-undang, tindakan tidak diambil. Saya serah kepada pihak yang bertanggungjawab," katanya.

Mengenai kenyataan seorang penolong Ashaari kumpulan itu akan menyokong DAP dalam pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada mereka.

Menurutnya, kenyataan itu jelas menunjukkan al-Arqam bukan memperjuangkan Islam, tetapi untuk politik dan mereka hanya menggunakan Islam sebagai topeng.